


SALINA 4
87296

(PERTUBUHAN 3)

No PPM WKL0730/00
No PPP WKL0073/00



MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966

PEJABAT TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN), KEMENTERIAN DALAM NEGERI, ARAS 9, BLOK D1, KOMPLEKS D, 62546 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

BORANG 3
(Peraturan 5)

SIJIL PENDAFTARAN

Adalah diperakui bahawa

KELAB KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KELAB KDN)

PEJABAT TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN), KEMENTERIAN DALAM NEGERI, ARAS 9, BLOK D1, KOMPLEKS D, 62546 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

telah pada hari ini didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah

0523-09-WKL

Diperbuat dengan ditandatangani oleh saya pada

1 haribulan April 2009



*BERKATA SAMA SAMA YANG BENAR
BAKI DOKUMEN ASALYAH*

FATIMAH MOHD ALIAS BIN KAHIL

*RAJAH PENDAFTARAN
B/P PENGURUSAN FEDERASI DAN PERSEKUTUAN
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
TARikh: 31/3/2009*

UNDANG-UNDANG
KELAB KEMENTERIAN DALAM NEGERI
MALAYSIA

UNDANG-UNDANG DIDAFTAR MENURUT
SIHL BIL : C5211-A-2013
TARIKH : 1-4-2013
b/p PENDAFTAR PERTUBUHAN
MALAYSIA.

1. NAMA

Perlubuhan ini dikenali dengan nama Kelab Kementerian Dalam Negeri (Kelab KDN) dan selepas ini disebut "Kelab".

2. ALAMAT

Alamat berdaftarnya ialah di Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Dalam Negeri , Aras 9, Blok D1, Kompleks D, 62546 PUTRAJAYA atau di lain tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa. Tempat urusan berdaftar Kelab tidak boleh diubah tanpa mendapat kebenaran daripada Pendaftaran Pertubuhan terlebih dahulu.

3. BENDERA DAN LAMBANG

- (i) Bendera - Tiada
(ii) Lambang - Tiada


4. TUJUAN DAN MAKSUD

- (i) Untuk membantu dan menjaga kebajikan dan kebaikan ahli Kelab
(ii) Untuk mengadakan peluang dan kemudahan yang diperlukan untuk ahli mengasah bakat mereka dalam lapangan sukan, kesusasteraan, kebudayaan, membaiki diri dalam kegiatan yang berkehendakkan tenaga ramai atau daya usaha perseorangan dan disiplin diri sendiri yang sesuai untuk menimbulkan semangat berpasukan dan kekitaan (*esprit de corps*) di kalangan ahli serta memperluaskan pandangan mereka, menggalakkan rasa muhibah dan saling hormat menghormati.


SALINAN YANG BENAR
BAGI DOKUMEN ASAL SEBAHAGIANNYA

salini

RABIAH BT ABD RASHID
B/P PENYOLONG PENDAFTAR PERTUBUHAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
TARIKH : 31/5/2013



- (iii) Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Kelab ini hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan Kelab ini dan tidak sebahagian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli Kelab. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik, membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada sebarang ahli atau pekerja Kelab ini dengan syarat mereka telah memberikan perkhidmatan kepada Kelab ini.
- (iv) Untuk bergabung dengan mana-mana Kelab yang sah dan yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama atau serupa pada keseluruhannya atau sebahagiannya.
- (v) Untuk membeli, menyewa atau lain-lain cara untuk mendapatkan harta bergerak dan mana-mana hak atau keistimewaan yang difikirkan mustahak yang mungkin menjadi keperluan atau kemudahan bagi Kelab dan ahli Kelab untuk membaiki, mengurus, menjual, menyewa, memajak, melepaskan, memasukkan ke dalam akaun atau lain-lain cara dengan semua atau pada mana-mana bahagian daripada harta Kelab.
- (vi) Mengutip derma daripada ahli dan orang awam dengan syarat mendapat persetujuan Mesyuarat Agung, serta kebenaran Pendaftar Pertubuhan dan pihak berkuasa terlebih dahulu.
- (vii) Memohon, memajak atau memiliki tanah dan lain-lain harta untuk tujuan Kelab dengan syarat mendapat persetujuan Mesyuarat Agung dan tertakluk kepada kebenaran daripada pihak berkuasa.



5. KEAHLIAN

(i) Ahli Biasa

Semua Pegawai dan Kakitangan Kementerian Dalam Negeri yang berjawatan tetap adalah secara automatik menjadi ahli Kelab KDN. Walau bagaimanapun keahlian ini tidak termasuk pegawai dan kakitangan di bawah Jabatan/Agensi dalam KDN.

(ii) Ahli Bersekutu



Keahlian Kelab juga adalah terbuka kepada semua kakitangan selain warga tetap di Kementerian Dalam Negeri. Setiap permohonan untuk menjadi ahli hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kehormat yang dengan seberapa segera mengemukakannya kepada Jawatankuasa untuk dipertimbangkan. Jawatankuasa boleh dengan budi bicaranya menolak mana-mana permohonan tanpa memberi apa-apa sebab. Ahli bersekutu tidak layak mengundi dan tidak layak untuk memegang apa-apa jawatan di dalam Kelab tetapi boleh mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti yang dianjurkan Kelab.

(iii) Ahli Kehormat

Jawatankuasa Kelab boleh melantik beberapa orang yang telah memberikan sumbangan atau yang boleh memberi kemanfaatan kepada Kelab sebagai Ahli Kehormat. Mereka ini tidak mempunyai kuasa untuk mengundi dan tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam Kelab.

(iv) Ahli Kelab Gabungan

Keahlian adalah terbuka kepada pegawai dan kakitangan mana-mana Kelab yang berdaftar di bawah KDN dan tidak mempunyai kuasa untuk mengundi di dalam apa-apa Mesyuarat Kelab tetapi boleh menggunakan atau menikmati segala kemudahan yang disediakan oleh pihak Kelab dengan syarat Persatuan/Kelab tersebut tertakluk kepada peraturan yang sama. Hanya tiga (3) orang wakil dari



setiap Persatuan Gabungan boleh menghadiri Mesyuarat Agong Tahunan Kelab.

(v) Setiap permohonan Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Persatuan Gabungan yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran bulan pertama seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli Kelab dan berhaklah ia sebagai ahli

6. BAYARAN MASUK, YURAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN

(i) Ahli Biasa


- (a) Bayaran masuk adalah sebanyak RM 2.00 (Ringgit: Dua Sahaja)
(b) Yuran bulanan seperempatana di bawah

KUMPULAN	KADAR SEBULAN
Sokongan II	RM 2.00
Sokongan I	RM 3.00
Gred 41/44	RM 7.00
Gred 48/52	RM 10.00
Gred 54	RM 15.00
JUSA	RM 30.00

(ii) Ahli Bersekutu


- (a) Bayaran masuk adalah sebanyak RM 2.00 (Ringgit: Dua Sahaja)
(b) Yuran bulanan seperempatana di bawah

KUMPULAN	KADAR SEBULAN
Sokongan II	RM 2.00
Sokongan I	RM 3.00
Gred 41/44	RM 7.00
Gred 48/52	RM 10.00
Gred 54	RM 15.00
JUSA	RM 30.00



(iii) Persatuan Gabungan

- (a) Bayaran masuk setiap persatuan adalah sebanyak RM 50.00 (Ringgit: Lima Puluh Sahaja)
 - (b) Yuran bulanan sebanyak RM 2.50 (Ringgit : Dua dan Sen Lima Puluh) bagi setiap Persatuan Gabungan.
- (iv) Yuran bulanan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh tujuh (7) hari dari awal tiap-tiap bulan.
- (v) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua (2) bulan akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.
- (vi) Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi tiga (3) bulan dengan sendirinya terhenti daripada Kelab dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.
- (vii) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
- (viii) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli untuk perkara tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut di dalam masa yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.


**PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN**

- (i) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Kelab hendaklah memberi kenyataan yang bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Kehormat dan membayar segala hutang-hutangnya.
- 


- (ii) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang atau bertindak dalam cara yang akan mencemarkan nama baik Kelab boleh dipecat atau digantung keahliannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang diilikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatakan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

8. MESYUARAT AGUNG

- (i) Pengelolaan Kelab ini terserah kepada Mesyuarat Agung. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda daripada jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk Mesyuarat.
- (ii) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih dari 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli yang hadir menjalankan Mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Kelab dan membuat keputusan yang melibatkan semua ahli.
- (iii) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Kelab hendaklah diadakan dengan segera mungkin setelah akhir tahun kewangan tidak lewat daripada 31 Mac pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa. Tugas Mesyuarat Agung Tahunan ialah :-



- (a) Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.
- (b) Menerima laporan Bendahari dan Penyata kira-kira yang telah diaudit bagi tahun lalu.
- (c) Melantik ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-Kira kecuali Yang Diperlu dan Timbalan Yang Dipertua untuk tempoh dua tahun yang akan datang.
- (d) Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat.
- (iv) Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar kepada setiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, satu agenda (acara Mesyuarat) termasuklah salinan Peringatan Mesyuarat dan laporan, usul (jika ada) dan penyata kira-kira Kelab bagi tahun lalu yang diaudit. Salinan surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli di alamat tempat urusan Kelab.
- (v) **Mesyuarat Agung Luar Biasa** bagi Kelab ini boleh diadakan :-
- (a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau
- (b) Atas permintaan ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima (1/5) dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kehormat.
- (vi) Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta oleh ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat tersebut.
- (vii) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Kehormat kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat.




- (viii) Perenggan 8(i) dan 8(ii) di dalam Undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan daripada tarikh ini. Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- (ix) Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar kepada setiap salut salinan draf peringatan setiap Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

9. JAWATANKUASA

- (i) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan pegawai Kelab hendaklah dipilih dua tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan .
- Yang Dipertua; (Ex-Officio)
 - 2 Orang Timbalan Yang Dipertua; (Ex-Officio)
 - Setiausaha Kehormat;
 - Bendahari Kehormat;
 - Penolong Bendahari Kehormat;
 - 8 Ahli Jawatankuasa Biasa
 - 5 Ahli Jawatankuasa Biasa dilantik oleh Yang dipertua Kelab.
- (ii) Pemegang jawatan Kelab ini dan setiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas eksekutif dalam Kelab ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan boleh dilantik semula.
- (iii) Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) adalah secara automatik menjadi Yang Dipertua Kelab




- (iv) Timbalan Ketua Setiausaha adalah secara automatik menjadi Timbalan Yang Dipertua Kelab
- (v) Mana-mana pegawai yang dipilih oleh Setiausaha Kehormat adalah secara automatik menjadi Penolong Setiausaha Kelab.
- (vi) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian Kelab dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Kelab mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu dalam setiap Mesyuarat Aguung Tahunan.
- (vii) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam 3 bulan. Pengumuman bagi setiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli jawatankuasa tujuh (7) hari terlebih dahulu. Yang Dipertua dengan bersendirian, atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum Mesyuarat.
- (viii) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan Mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Kehormat atau Penolong Setiausaha boleh mendapatkan kelulusan daripada ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah terima :-
- (a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan



terang di dalam Surat Pekeliling yang dihantar kepada setiap ahli Jawatankuasa;


- (b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu; dan
 - (c) Keputusan hendaklah dengā undi yang terbanyak.
 - (d) Sebarang keputusan yang didapati melalui Surat Pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Kehormat kepada Mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam Peringatan Mesyuarat.
- (iv) Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletak jawatan di dalam Jawatankuasa.
- (v) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau bertukar atau meletak jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli Kelab yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
- (vi) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha Kehormat dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Kelab, serta melantik pengurusan dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Kelab.



- (vii) Jawatankuasa ini boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberi kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

10. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEMEGANG JAWATAN



- (i) Yang Dipertua dalam masa jawatannya, hendaklah menjadi pengurus semua Mesyuarat Agung dan semua Mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua Mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani peringatan-peringatan Mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Kelab bersama-sama Setiausaha Kehormat atau Bendahari Kehormat
- (ii) Timbalan Yang Dipertua hendaklah memangku jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaannya.
- (iii) Setiausaha Kehormat hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran Kelab mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat-menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha Kehormat hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah setiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan Mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek KELAB bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Bendahari Kehormat. Setiausaha Kehormat hendaklah di dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirimkan Penyata Tahunan Kelab pada Pendaftaran Perlubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 14(1) Akta Perlubuhan, 1966.
- (iv) Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha Kehormat menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.



- (v) Bendahari Kehormat adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Kelab. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Kelab bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Setiausaha Kehormat.
- (vi) Penolong Bendahari hendaklah membantu Bendahari Kehormat di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.
- (vii) Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

11. KEWANGAN

- (i) Tertakluk kepada peruntukan berikut dalam undang-undang ini, wang Kelab ini boleh digunakan untuk perkara-perkara berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Kelab termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.
- (ii) Bendahari Kehormat dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM 2,000.00 (Ringgit: Dua Ribu sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Kelab.
- (iii) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Kelab hendaklah ditandatangani bersama oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang pemegang jawatan utama Kelab iaitu Yang Dipertua, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat. Semasa ketiadaan Yang Dipertua, Setiausaha Kehormat atau Bendahari Kehormat, maka bolehlah Jawatankuasa melantik seseiap di antara mereka sebagai




pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Kelab.

- (iv) Perbelanjaan RM 2,000.00 (Ringgit: Dua Ribu) dan ke atas bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa. Perbelanjaan yang kurang daripada RM 2,000.00 (Ringgit : Dua Ribu) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Bendahari Kehormat bersama Yang Dipertua atau Setiausaha Kehormat. Perbelanjaan yang lebih daripada RM 100,000.00 [Ringgit Satu Ratus Ribu sahaja] bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu
- (v) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari Kehormat dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira mengikut Fasal 12, dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut, dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di alamat berdaftar Kelab
- (vi) Tahun kewangan Kelab ini bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

12. PEMERIKSA KIRA-KIRA

- (i) Dua orang ahli biasa yang bukannya Pegawai Kelab boleh dilantik sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan boleh dilantik semula.
- (ii) Pemeriksa Kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Kelab bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki bila-bila masa oleh Yang Dipertua mengaudit kira-kira Kelab bagi mana-mana masa di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.





13. PENGAMANAH

- (i) Tiga (3) orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Kelab. Mereka akan diamanahkan semua harta kepunyaan Kelab dengan menandatangani suatu surat amanah.
- (ii) Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar milik harta kepunyaan Kelab dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Kelab.
- (iii) Seseorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siurman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugas atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, peletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

14. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

- (i) Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang.
- (ii) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah imuktamad jika diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.



15. PENAUNG DAN PENASIHAT

- (i) Y.B. Menteri Dalam Negeri, Y.B. Timbalan-Timbalan Menteri Dalam Negeri, Y.B. Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri secara automatik menjadi Penaung Kelab.
- (ii) Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri secara automatik adalah merupakan Penasihat Kelab.

16. LARANGAN

- (i) Segala bentuk perjudian adalah dilarang
- (ii) Kelab atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- (iii) Kelab ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahlinya tau tidak, atas nama Kelab atau pegawai-pegawaiannya atau Jawatankuasa atau tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkecuaan.
- (iv) Faedah seperti yang diterangkan di bawah seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966 tidaklah boleh diberi oleh Kelab kepada mana-mana ahli Kelab.
- (v) Kelab ini tidak boleh mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung di dalam kegiatan politik.
- (vi) Mana-mana orang tidak boleh memegang jawatan menjadi penasihat atau pekerja Kelab ini jika ia telah hilang kelayakan berbuat demikian menurut Seksyen 9A Akta Kelab 1966.



17. PINDAAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada Undang-undang dan Peraturan ini hendaklah dibuat kepada Pendaftaran Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan dan pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

18. PEMBUBARAN

- (i) Kelab ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada **satu perlima (1/5)** daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.
- (ii) Sekiranya Kelab hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas maka segala hutang dan tanggungan Kelab yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan bagi wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung.
- (iii) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftaran Pertubuhan di dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran tersebut.



Yang Dipertua
(Md. Nor Bin Hashim)

Setiausaha Kehormat
(Abdul Rahim Bin Mohd Radzi)

